

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 APRIL 2016

PM beri jaminan syarikat bumiputera tempatan, masyarakat setempat dapat manfaat

Pan Borneo tidak sama Bakun

Oleh ANGELINA SINYANG
pengarang@utusan.com.my

■ SIBU 17 APRIL

DATUK Seri Najib Tun Razak memberi jaminan akan memastikan projek Lebuhraya Pan Borneo (Pan Borneo) Sarawak bukan sahaja mengutamakan pemberian kontrak kepada syarikat bumiputera tempatan tetapi mesti memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Justeru, menurut Perdana Menteri, beliau tidak mahu projek yang menelan kos tinggi iaitu RM16 bilion itu disamakan dengan projek mega lain di negara ini kerana ia lebih berupa projek untuk rakyat.

Malah, katanya, beliau tidak mahu sejarah lama berulang di Sarawak apabila pembinaan empangan hidro elektrik Bakun di Belaga ketika zaman pemerintahan seorang Perdana Menteri sebelum ini, hanya menguntungkan pihak tertentu tanpa memberi manfaat kepada penduduk setempat di ka-

wasan berkenaan.

“Sasaran kita ialah mahu melihat penduduk setempat menjadi sebahagian daripada projek Pan Borneo, sebahagian pemilik, milik rakyat Sarawak bukan hanya syarikat besar sahaja mendapat faedah.

“Projek ini tidak sama macam projek mega lain seperti empangan hidro elektrik Bakun yang mana ia nama sahaja projek besar tetapi penduduk rumah panjang berhampiran tidak mendapat bekalan elektrik.

“Benda ni (projek) dibuat oleh orang lain yang memerintah selama 22 tahun (Tun Dr. Mahathir Mohamad). Tetapi hari ini, saya nak cakap, kita hanya menyerahkan kontrak pembinaan Pan Borneo kepada syarikat kontraktor kelas F milik anak Sarawak dan pastikan penduduk setempat mendapat manfaat sama,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan semasa merasmikan pelancaran projek Pan Borneo Sarawak bagi jajaran dari Simpang Bintangor hingga ke Jambatan Sungai Kua di

sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu Belaun; Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan negeri, Datuk Seri Micheal Manyin Jawong; Menteri Kewangan II negeri, Datuk Seri Wong Soon Koh dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani.

Pembinaan jajaran dari Simpang Bintangor hingga ke Jambatan Sungai Kua merupakan pakej keempat daripada 12 pakej dalam projek Pan Borneo Sarawak.

Jajaran ini membabitkan jarak sejauh 76.2 kilometer melibatkan kerja-kerja menaik taraf jalan sedia ada dari dua lorong kepada empat lorong, pembinaan dua persimpangan bertingkat, 79 hentian bas, tujuh jejantas, 46 pusingan U dan sebuah hentian rehat di Julau.

Projek pakej keempat menelan kos RM1.7 bilion ini akan menawarkan kontrak bernilai RM533.8 juta

kepada 68 syarikat kontraktor bumiputera tempatan.

Mengulas lanjut, Najib berkata, bagi memastikan penduduk setempat mendapat manfaat daripada projek ini, hentian rehat dan perhentian bas dibina bagi membolehkan ia digunakan oleh penduduk tempatan untuk berniaga.

Selain itu, katanya, apabila siap nanti, lebuhraya itu memudahkan penduduk terutama luar bandar memasarkan produk keluaran seperti hasil pertanian ke tempat lain sehingga ke Kuching.

Katanya, pembinaan lebuhraya tersebut bukan sahaja menyediakan jalan perhubungan yang selesai, malah mampu meningkatkan taraf ekonomi dan membuka minda masyarakat di luar bandar.

“Saya dapat melihat anak-anak muda dalam kalangan masyarakat Iban di sini misalnya, akan lebih terbuka minda untuk mengejar kemajuan dan mengubah kehidupan apabila rumah panjang mereka dekat dengan lebuhraya.

“Secara psikologi, kalau setiap



Waktu Solat
MBSB
Majlis Kewangan Asas

SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya					
5.49	7.06	1.15	4.28	7.21	8.31
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya					
5.52	7.09	1.20	4.31	7.27	8.37
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya					
5.45	7.02	1.10	4.22	7.14	8.25
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya					
5.43	7.00	1.07	4.21	7.11	8.21
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya					
5.18	6.35	12.42	3.56	6.46	7.56

hari melihat kenderaan lalu-lalang di depan rumah, minda mereka menjadi lebih terbuka disebabkan dapat melihat pembangunan di depan mata,” ujarnya.

Um-18/4/2016